

MPHTJ sasar tanam 1,500 pokok setahun

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) menanam sebanyak 1,000 pokok 'Hopea Odorata' atau Merawan Siput Jantan dalam kawasan pentadbirannya setakat ini.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Datin Sapiah Haron berkata, jumlah itu sekali gus memberi galakkan

kepada MPHTJ mencapai sasaran untuk menanam sebanyak 1,500 pokok setahun.

"Sebelum ini kita tanam sekitar Lebuah Ayer Keroh, Lebuah Sungai Udang-Paya Rumpun (SPA), lereng bukit kawasan perindustrian Ayer Keroh dan Jalan Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC).

"Penanaman pokok ini selain sebagai teduhan ia membantu mengurangkan

“Penanaman pokok ini selain sebagai teduhan ia membantu mengurangkan kadar pelepasan dan menyerap lebih banyak karbon, sekali gus menggalakkan pengeluaran oksigen yang lebih tinggi.”

kadar pelepasan dan menyerap lebih banyak karbon, sekali gus menggalakkan pengeluaran oksigen yang

lebih tinggi.

"Justeru itu, kita telah menanam 100 lagi pokok 'hopea' disumbangkan Veri-

tas Landskap Sdn Bhd," katanya pada sidang media selepas Majlis Perasmian Pembudayaan Landskap Veritas 100 pokok di Reforestation & Riparian (RR) Sungai Putat, di sini, baru-baru ini.

Hadir sama Pengarah Urusan Veritas Landskap, Khalifah Jamaluddin; Pengarah Veritas Arkitek, Syah Kamarudin dan Pengarah Landskap dan Kesihatan

Persekitaran MPHTJ, LAr. Mohammad Norfadzly Mohammad.

Mengulas lanjut, Sapiah berkata setakat ini MPHTJ telah menjalankan inventori sebanyak 12,956 pokok sejak tahun 2017 hingga 2023.

"Angka itu bersamaan 25 peratus daripada keseluruhan 54,878 pokok di Negeri Melaka yang selesai menjalani proses inventori," katanya.



ANTARA pokok yang ditanam di Reforestation & Riparian (RR) Sungai Putat. Foto Iqmal Haqim Rosman



SAPIAH ketika ketika simbolik penanaman pokok sempena Program Pembudayaan Landskap Veritas 100 Pokok oleh MPHTJ di Reforestation & Riparian Sungai Putat. Foto Iqmal Haqim Rosman